

Mahathir mampu tingkatkan keupayaan Proton

UM - 20/4/2004 m/s.r

KUALA LUMPUR 19 April — Pelantikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai penasihat Khas Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) dilihat berupaya memberikan idea dan input berguna kepada syarikat pengeluar kereta nasional itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pengalaman Maha-

thir dalam membangunkan kereta buatan Malaysia itu akan memberikan banyak kelebihan kepada Proton.

“ Beliau akan bertindak sebagai seorang penasihat dan saya percaya pengalaman beliau yang begitu lama dalam sejarah penubuhan Proton akan meningkatkan lagi keupayaan Proton,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberi-

ta selepas menyampaikan ucapan di Seminar Untuk Ahli Parlimen Kerajaan, di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, di sini hari ini.

Mahathir yang menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Abdullah pada Oktober lalu memberitahu *Reuters* dalam satu temu bual bahawa beliau telah diminta membantu syarikat tersebut.